

04/07/2000

Al-Quran sebagai wadah ilmu

Maarop Md Noh

AL-QURAN adalah kitab wahyu terakhir diturunkan kepada manusia.

Ia diturunkan kepada nabi terakhir, Nabi Muhammad s.a.w. Berbeza dengan nabi dan rasul sebelum baginda, Nabi Muhammad diutus bukan saja untuk kaumnya (quraisy), malah untuk seluruh manusia dan alam.

Begitu juga al-Quran, ia bukan saja kitab untuk umat Islam tetapi untuk seluruh manusia dan jin. (al-Jin: 1-3). Sesuai dengan fungsinya sebagai penutup segala kitab dan diturunkan untuk umat akhir zaman, al-Quran di samping mengandungi ilmu ketuhanan, kehidupan akhirat, syurga dan neraka, Padang Mahsyar, Titian Siratal Mustaqim, alam kubur dan alam ghaib dan pembalasan di akhirat, juga dilengkapi pelbagai ilmu untuk manusia meneruskan kehidupan di dunia.

Ia turut mengajak manusia menunaikan amanah kehidupan di dunia sebagai persiapan untuk kehidupan di akhirat. Dalam keadaan tertentu, al-Quran bertindak sebagai mahaguru kepada kehidupan manusia itu sendiri.

Sesuai dengan zaman ia diturunkan, al-Quran mencabar minda intelektual pada zaman permulaan Islam dengan meminta cendekiawan jahiliyah ketika itu menulis satu surah yang boleh menandingi al-Quran.

Allah meminta mereka menyediakan pembantu yang pakar dalam segala ilmu, terutama ilmu bahasa. Tetapi mereka gagal. (al-Baqarah: 23-24). Ketika ia diturunkan pada 17 Ramadan tahun pertama kenabian Muhammad s.a.w (kira-kira 610 Masihi).

Masyarakat Arab, walaupun berkebudayaan Jahiliyah, mempunyai ahli syair dan ahli perdebatan serta pemedato yang hebat. Bagaimanapun, rencana ini tidak membicarakan masalah itu, sebaliknya mengajak pembaca kembali memartabatkan al-Quran sebagai wadah ilmu yang kemanfaatannya melepasi sempadan politik serta masa dan menjangkau seluruh alam.

Seperti diketahui umum, di Malaysia al-Quran diletakkan sebagai wadah bacaan dan amat jarang digunakan untuk pemertabatan ilmu.

Keadaan ini timbul kerana sikap masyarakat yang tidak lagi melihat al-Quran sebagai sebuah kitab yang lengkap.

Sebaliknya kebanyakan cendekiawan gemar merisik ilmu daripada sumber lain.

Keadaan ini berlaku kerana sejak kejatuhan kerajaan Islam di Sepanyol, negara-negara Islam berpecah-belah dan hampir semua dijajah oleh Barat yang rata-rata beragama Kristian dan anti-Islam. Kesannya adalah kebantutan kesuburan pendidikan Islam dan masyarakat mula terpengaruh dengan falsafah Barat yang menekankan bahawa agama adalah urusan peribadi. Selain itu, sistem pendidikan yang memberi penekanan kepada fardu ain dan sedikit sekali tumpuan diberikan kepada fardu kifayah, menyebabkan keterbantutan berfikir masyarakat Islam.

Kebanyakan mereka menyangka fardu ain sudah mencukupi untuk mengurus kehidupan dunia dan akhirat. Justeru, berlakulah ketertutupan minda dan ketergencatan intelektual. Akibat daripada proses mementingkan fardu ain itu, umat Islam seolah-olah terpinggir daripada ilmu yang ada hubung kait dengan kemajuan masyarakat.

Umat Islam seolah-olah membenci ilmu sains, fizik dan matematik. Umat Islam tidak lagi sanggup mengkaji rahsia alam, seperti pergerakan matahari, bulan, bintang, cakerawala dan kehidupan di angkasa lepas, kehidupan di laut dan sebagainya.

Kebanyakan mereka terpukau dengan kejayaan Barat dalam bidang ini. Di sini, tidak bererti umat Islam tidak boleh belajar daripada bangsa lain.

Malah, Nabi Muhammad sendiri menyuruh umatnya menuntut ilmu sehingga ke negara China (maksud hadis).

Tetapi mereka dinasihatkan merujuk kepada al-Quran. Misalnya al-Quran menjelaskan: "...jika berlaku perselisihan pendapat di antara kamu, maka rujuklah kepada al-Quran dan Sunnah Rasul." (an-Nisaa: 58)

Ajakan ini menepati kitab al-Quran itu sebagai induk segala ilmu.

Ertinya setiap penemuan ilmu sama ada baru atau lanjutan warisan lama mesti dikaji sehalus mungkin.

Paling penting untuk menentukan ilmu itu sesuai dengan Islam atau sebaliknya.

Kini banyak penemuan baru yang memaksa intelektual Islam menerimanya tanpa penilaian menurut secara Islam.

Misalnya pengklonan manusia dan ilmu genetik. Memang al-Quran tidak menjelaskan secara terperinci mengenai ilmu ini. Tetapi ini tidak bererti bahawa al-Quran membisu mengenai ilmu itu. Allah menjadikan semua kehidupan berpasangan, malah pokok juga ada jantan dan betinanya. Semua ini untuk dipelajari dan dimanfaatkan ilmunya bagi kepentingan manusia sendiri.

Ulama ilmu al-Quran banyak menjelaskan, daripada 6,324 ayat al-Quran, hanya kira-kira 300-400 saja mengenai ibadat. Selebihnya adalah mengenai ilmu kehidupan.

Memang al-Quran tidak memperinci segala ilmu itu tetapi sebagai kitab akhir zaman, ia melengkapi segala ilmu yang diperlukan. Terpulanglah kepada manusia, khususnya umat Islam mencungkilnya. Sebagai contoh, ilmu biologi dijelaskan dengan panjang lebar oleh al-Quran. Proses penciptaan Nabi Adam a.s misalnya adalah cukup teliti.

Menurut al-Quran, Nabi Adam dicipta menerusi lapan peringkat pemprosesan. Antaranya bermula daripada air (al-Furqan: 54), daripada sari pati tanah (al-Mukminun: 12), daripada lumpur hitam yang diberi bentuk (al-Hijr: 26), daripada tanah liat (an-Najmi: 32), daripada tanah debu (al-Haj: 50), daripada tanah (as-Shaafat: 11), daripada tanah kering seperti tembikar (ar-Rahman: 14), dan ditiupkan roh (al-Hijr: 29).

Proses penciptaan manusia pertama itu memang pelik dan unik. Tetapi kebijaksanaan Allah dan keluasan ilmunya menjadikan semua perkara itu mudah. Semua proses itu tidak sia-sia. Keberperingkatan itu sendiri mempunyai rahsia yang perlu dibongkar oleh manusia, khususnya umat Islam.

Malah, dalam hadis riwayat at-Tirmizi, Nabi Muhammad menjelaskan mengenai penciptaan Nabi Adam seperti berikut: "Daripada Abu Musa al-Asyaari, Rasulullah bersabda: Bahawasanya Allah menjadikan Adam daripada segenggam tanah yang diambil dari seluruh jujuk bumi." (Lihat Bahrul Mazi, jilid ke-20, masalah 22).

Ulama memberikan pelbagai tafsir mengenai segenggam tanah yang diambil dari seluruh jujuk bumi ini. Ada yang berkata tanah yang dimaksudkan itu diambil dari seluruh jajahan di bumi dan ada pula ahli tafsir menjelaskan ia diambil dari tujuh petala bumi. Imam an-Nawawi dalam Jamius Saghirnya menjelaskan, yang dimaksudkan segenggam itu adalah kekuasaan Tuhan.

Pendapat Imam Nawawi diperkuat oleh sebuah hadis diriwayatkan oleh Tirmizi bermaksud: "Maka datang semua anak cucu Adam itu dan bermacam-macam tabiatnya, pelbagai warna kulitnya-merah, putih, hitam, kuning dan sebagainya. Begitu juga tabiat mereka ada yang lemah lembut, kasar, jahat dan ada yang baik. (Lihat juga Sahih Tirmizi). Selepas penciptaan manusia pertama daripada tanah itu, proses genetik pula bermula.

Allah s.w.t berfirman bermaksud: "Dan kemudian Kami jadikan air mani itu (yang disimpan) dalam tempat yang kukuh (rahim).

"Kemudian daripada air mani itu kami jadikan segumpal darah, daripada segumpal darah Kami jadikan segumpal daging, selepas itu Kami jadikan tulang belulang, lalu tulang belulang itu Kami bungkus dengan daging,

kemudian Kami jadikan dia makhluk yang (berbentuk) lain, Maha Suci Allah, Pencipta yang Maha Baik." (al-Mukminun: 13-14)

Berdasarkan ayat ini, jelaslah proses genetik sudah diperkenalkan oleh Islam sejak 1,400 tahun lalu. Tetapi umat Islam kurang memahaminya mungkin kerana gagal menguasai ilmu itu atau mengamalkan sikap tunggu dan lihat. Dalam hubungan ini, kita jangan cepat terpengaruh dengan sebarang penemuan baru yang belum tentu diredhai Allah.

Malah, di Barat sendiri, sudah ada kebimbangan mengenai kemungkinan ilmu genetik itu digunakan untuk kepentingan tertentu. Sedang umat Islam sudah lama mendampingi al-Quran yang menjadi sumber utama ilmu itu, Amerika Syarikat dan Britain pada minggu ini sedikit gempar dengan pengumuman kejayaan ahli sainsnya menyelesaikan kerja mendraf kod genetik penciptaan manusia.

Presiden negara itu sendiri memperakui perkembangan itu sebagai perintis menafsirkan bahasa atau rumusan Tuhan mencipta kehidupan. Ini bukanlah kali pertama pengumuman seumpamanya dilakukan oleh masyarakat bukan Islam, terutama Barat mengenai ilmu yang divedok mereka dari inti al-Quran.

Biasanya apa yang mereka cedok itu diisytiharkan sebagai penemuan baru dengan menggunakan pendekatan atau bahasa lain.

Demikianlah halnya dengan draf pemetaan genetik manusia ditafsirkan menerusi visual struktur jirim menerusi komputer.

Masih segar lagi ingatan kita mengenai pengumuman ilmu dari al-Quran yang diumumkan mereka seperti bumi berbentuk spiar; teori graviti; penemuan elektrik; ilmu atom (zarah); dan air sebagai unsur paling dominan (75 peratus) dalam kejadian makhluk di dunia ini. Cuma mereka mengkaji dan membuktikan kesahihannya.

Tetapi bagi umat Islam, semua ilmu itu mesti dipulangkan kepada pemiliknya, Allah. Ia hanya satu amanah yang besar dan rahmat daripada Allah.

Kerana itu kita tidak boleh sombong atau melakukan penganiayaan sesama makhluk. Ini kerana Allah tidak meredhai perbuatan yang zalim. Selain itu, kita kena akur dengan peringatan Allah bahawa ilmu yang diberikan-Nya adalah terlalu sedikit.

Tetapi kita dibenar memperkayakan diri dengan pelbagai ilmu sebagai ibadah.

Justeru, kita tidak boleh meminggirkan diri begitu saja. Sikap prihatin dan waspada perlu ada dalam minda setiap umat Islam. Selain itu, umat Islam sendiri mesti berusaha mencungkil dan memanfaatkan ilmu baru seperti yang dianjurkan oleh al-Quran. Apa yang termaktub dalam al-Quran adalah asas kepada kajian terhadap perkara yang tidak termaktub (ghairul maktubah).

Misalnya, al-Quran menjelaskan umat Islam adalah sebaik-baik umat. Mereka sentiasa membuat kebajikan dan mengajak manusia melakukan kebaikan serta meninggalkan kejahatan (keburukan). - (Rujuk al-Quran surah Ali Imran ayat 110).

Ayat ini menunjukkan ada sesuatu rahsia yang perlu dicungkil.

Misalnya mengapa umat Islam itu dipilih menjadi sebaik-baik umat. Apakah dengan berbuat baik dan menyuruh orang lain berbuat baik itu cukup untuk mengangkat martabat mereka menjadi khairil ummah?

Atau ada faktor lain, misalnya di segi ilmu dan sebagainya. Mengenai biologi misalnya, ulama al-Quran, berjaya menemui 26 ayat. Untuk kemudahan pembaca di sini dicatatkan surah dan ayat terbabit: Ali Imran - 59, al-Anaam, 2, al-A'raf, 12, Al-Hijr, 26, Bani Israel 61, Qaaf, 37, al-Hajj, 5, al-Mukminun, 12, ar-Rum, 20, As-Sa-jadah 7-9, al-Faathir 11, as-Saafaat 11, Shaad, 72-76, az-Zumar, 6, al-Mukmin, 64, 67, as-Syura 49-50, al-Jaatsiah 4, ar-Rah-man 14, at-Taghabun, 3, al-Mulk, 23-24 dan At-Tiin, 4.

Sementara 27 ayat lagi menyentuh mengenai tahap kejadian manusia: Surah

al-Hijr 28-29, Qaf, 37, al-Haj 5, al-Mukminun 12-15, ar-Rum 54, as-Sajadah 7-9, al-Fathir 11, Yaasin, 77-79, Shaad, 71-72, az-Zumar, 6, al-Mukmin 67, an-Namlu , 45-47, Nuh, 14-18, al-Qiamah 37-39, al-Insan 2, Al-Mursalat, 22-23 dan Abasa, 18-22.

Memanglah jika membaca senarai itu saja, tanpa bersedia untuk mengkaji dengan ikhlas akan membosankan.

Tetapi kita berasa terpenggil untuk menjelaskan ilmu yang tersirat dalam al-Quran bagi dimanfaatkan oleh ummah. Usaha ini adalah salah satu cabang fardu kifayah dan ibadat yang murni kepada Allah. Dengan demikian, kita mengharapkan umat Islam tidak ketinggalan dalam mengejar kekayaan ilmu.

Lihatlah hasil kajian yang dilakukan di sebelah Barat terhadap pelbagai kejadian alam (kejadian manusia, haiwan, flora dan unsur lain termasuk api, cahaya, kuasa, haba dan gas), mereka mendapat banyak manfaat sehingga menerajui dan menguasai teknologi dan ekonomi dunia.

Oleh itu, marilah kita bersama-sama memindahkan azam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ingin melihat umat Islam membudayakan ilmu, kepada perbuatan dengan menjadikan al-Quran sebagai Pusat Penyelidikan dan Pembangunan ilmu.

(END)